

**PROSEDUR OPERASI STANDARD  
PEMANDU KENDERAAN JABATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk menerangkan tatacara dan peraturan yang wajib diikuti oleh semua pemandu Kementerian Kesihatan Malaysia.

**2. PROSEDUR PEMANDUAN**

Pemandu hendaklah mengetahui dan mempunyai senarai semak harian mengenai perkara yang wajib dilakukan sebelum memandu, semasa memandu dan selepas tamat perjalanan. Di antara perkara yang wajib dilakukan adalah seperti berikut:

**2.1 Sebelum Memandu**

- (a) Memastikan tempoh lesen memandu dan cukai jalan masih sah;
- (b) Semak jadual bertugas;
- (c) Memakai pakaian seragam termasuk tanda nama;
- (d) Memastikan tahap kecergasan yang baik terutamanya melibatkan keletihan, kelesuan, alkohol dan ubat-ubatan;
- (e) Melaporkan diri 30 minit lebih awal sebelum memulakan tugas;



- (f) Memastikan kenderaan di bawah seliaan masing-masing berada dalam keadaan **bersih** dan **selamat** digunakan;
- (g) Memeriksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan dan menyemak senarai semak seperti di **Lampiran I** sebelum memulakan perjalanan; dan
- (h) Memastikan kenderaan dibuat pemeriksaan berkala dan penyenggaraan berjadual seperti yang ditetapkan.

## **2.2 Semasa Memandu**

- (a) Memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang;
- (b) Memakai tali pinggang keledar sebelum memulakan perjalanan; dan
- (c) Mengingatkan penumpang untuk memakai tali pinggang keledar sebelum memulakan perjalanan.

## **2.3 Selepas Memandu**

- (a) Memulangkan kunci kenderaan, kad inden minyak dan kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit serta Smart Tag kepada Penyelia Kenderaan selepas selesai bertugas;
- (b) Memastikan bahan api diisi penuh sebelum memulangkan kenderaan untuk disimpan;



- (c) Mengisi butiran Buku Log dengan betul, kemas dan pastikan ditandatangani oleh pengguna/penumpang;
- (d) Menyimpan kenderaan dengan baik di tempat yang disediakan;
- (e) Melaporkan kecacatan atau kerosakan yang dikesan pada kenderaan sepanjang penggunaan kepada Penyelia Kenderaan; dan
- (f) Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan sekiranya tiada tugas hakiki.

### **3. TIPS PEMANDUAN SELAMAT**

- (a) Memandu mengikut undang-undang dan peraturan lalu lintas;
- (b) Memberi tumpuan kepada pemanduan dan tidak memandu secara merbahaya;
- (c) Tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu;
- (d) Peka dengan keadaan persekitaran semasa perjalanan;
- (e) Jangan memotong barisan;
- (f) Memberi isyarat lampu apabila ingin menukar lorong; dan
- (g) Merancang kaedah perjalanan yang selamat dengan mengambil kira tempoh dan mod perjalanan, pilihan laluan, jenis kenderaan dan keperluan pemandu tambahan bagi sesuatu destinasi.



#### **4. JAM PEMANDUAN/JAM BEKERJA/HARI BEKERJA**

Masa bekerja wajib diberi perhatian bagi memastikan pemandu berada dalam keadaan sihat dan cergas. Kerja melebihi masa yang ditetapkan akan meningkatkan risiko kemalangan yang sekaligus membahayakan pemandu dan juga penumpang. Bagi mengelakkan risiko sedemikian, perkara-perkara yang wajib diambil kira adalah seperti berikut:

- (a) Maksimum 2 jam perjalanan berterusan dengan rehat minimum 15 minit;
- (b) Jumlah pemanduan maksimum dihadkan kepada 8 jam sehari;
- (c) Jumlah masa bekerja dihadkan kepada 12 jam (maksimum) sehari; dan
- (d) Masa rehat satu(1) hari harus diambil selepas 6 hari bekerja.

#### **5. PENGGILIRAN PEMANDU**

Untuk mengelakkan pemandu rasa lesu akibat jangka masa memandu yang terlalu lama, kaedah penggiliran pemandu hendaklah diamalkan. Ini bertujuan mengelakkan kelesuan yang boleh mengakibatkan hilang daya tumpuan semasa memandu yang boleh meningkatkan risiko berlakunya kemalangan. Oleh itu, bagi setiap pemanduan melebihi 4 jam, pemandu gantian diperlukan.

#### **6. ETIKA PEMANDUAN**

Kerjaya sebagai pemandu sentiasa berhadapan dengan pelbagai ragam penumpang. Oleh itu, etika pemanduan perlulah diterapkan dalam dasar pengurusan pemandu untuk menangani sebarang konflik yang mungkin berlaku sepanjang melaksanakan tanggungjawabnya. Budi bahasa dan amalan nilai murni amat penting untuk menjaga keharmonian bekerja. Pemandu berbudi



bahasa dan mengamalkan nilai murni dapat menjanakan satu suasana kerja yang efektif. Antara etika pemanduan yang baik adalah seperti berikut:

- (a) Memberi salam dengan menggunakan panggilan kehormat pegawai yang betul;
- (b) Bercakap dengan sopan;
- (c) Tidak merokok semasa memandu;
- (d) Sentiasa berpakaian kemas dan menjaga kebersihan diri;
- (e) Sentiasa menjaga kebersihan kenderaan;
- (f) Sentiasa bertolak ansur semasa memandu;
- (g) Selalu memberikan senyuman kepada penumpang;
- (h) Tidak memandu dengan cara berbahaya serta mematuhi had laju yang ditetapkan;
- (i) Sentiasa mengesahkan dengan penumpang destinasi yang hendak dituju;
- (j) Memastikan pengisian bahan api dibuat terlebih awal sebelum penumpang menaiki kenderaan;
- (k) Membuat tinjauan tempat terlebih dahulu sebelum bertolak terutamanya bagi tempat yang baru atau belum pernah ditugaskan; dan
- (l) Tidak tidur dalam kenderaan dengan penghawa dingin dihidupkan sementara menunggu pegawai selesai tugas.

## **7. PEMERIKSAAN TAHAP KESIHATAN DAN KECEKAPAN SECARA BERKALA**

Pemeriksaan kesihatan secara berkala perlu dilaksanakan untuk memastikan pemandu berada pada tahap kesihatan paling tinggi agar tugas dapat dilakukan dengan baik serta dapat menjamin keselamatan pengguna. Satu kaedah pemantauan kesihatan pemandu harus diwujudkan agar kesejahteraan semua pihak dapat dipelihara. Pemeriksaan kesihatan dan saringan terhadap



penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun secara rawak.

## 8. TANGGUNGJAWAB PEMANDU

### Tanggungjawab Semasa Kecemasan atau Kemalangan

Untuk menghadapi kecemasan atau kemalangan, pelan tindakan kecemasan perlu diambilkira. Perkara yang perlu diberi perhatian oleh pemandu adalah seperti berikut:-

- (a) Maklum akan tindakan yang digaris dalam *Manual Respons* terhadap kecemasan;
- (b) Pastikan Peti Kecemasan sentiasa lengkap dan tersedia dalam kenderaan;
- (c) Pastikan juga alat pemadam api yang dibekalkan berfungsi dengan baik;
- (d) Melaporkan kecemasan tersebut mengikut prosedur bertulis seperti ditetapkan; dan
- (e) Menyimpan nombor telefon pihak yang patut dihubungi di waktu kecemasan.

## 9. LATIHAN

Pemandu yang terlatih adalah pemandu yang berhemat dan cemerlang. Oleh itu, latihan amat penting dalam membentuk kemahiran, pengetahuan dan seterusnya mengubah sahsiah pemandu ke arah yang lebih baik. Pemandu yang terlatih akan lebih berdisiplin dan sentiasa bersedia serta mampu berhadapan dengan situasi kritikal pada setiap masa. Ketua Jabatan haruslah memastikan pemandu diberi latihan yang bersesuaian dan melibatkan tenaga pengajar daripada Polis



DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, JKR Woksyop dan lain-lain agensi yang berkaitan. Antara latihan yang perlu diikuti oleh pemandu adalah seperti berikut:

- (a) *Respons* terhadap kecemasan dan pertolongan cemas;
- (b) Latihan pemanduan merangkumi *Defensive Driving Skills*;
- (c) Latihan pengendalian kenderaan;
- (d) Kesedaran keselamatan jalan raya;
- (e) Komunikasi berkesan; dan
- (f) Bantuan kecemasan semasa menghadapi kebakaran/ kemalangan.

## 10. PENUTUP

SOP ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan dan diguna pakai oleh pemandu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menjalankan tugas seharian dengan harapan peningkatan kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan Jabatan dan penyalahgunaan aset Kerajaan dapat dibendung pada masa akan datang.



**SENARAI SEMAK SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN**

1. Memastikan paras bahan api, minyak pelincir, minyak brek, minyak stereng, minyak kotak gear, air radiator dan air alat kesar cermin mencukupi;
2. Memastikan paras air bateri mencukupi dan keadaan terminal bateri ketat dan bersih;
3. Memeriksa keadaan pendawaian (*wiring*);
4. Memeriksa keadaan sistem kunci berpusat dan sistem penggera kenderaan;
5. Memeriksa semua sistem lampu supaya berfungsi;
6. Memastikan tayar dalam keadaan baik dan tekanan angin mencukupi;
7. Memastikan tayar ganti dan peralatan/perkakas asas (*tools*) termasuk Kit Bantuan Kecemasan, Segi Tiga Keselamatan (*Safety Triangle*) dan Alat Pemadam Api adalah dalam keadaan baik;
8. Memastikan keadaan *absorber* dan *suspension* adalah baik; dan
9. Memeriksa keadaan sistem stereng dan pastikan brek berfungsi.